

1. Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Negeri Melaka pada suatu masa dahulu amat terkenal di seluruh Nusantara. Negeri Melaka terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia dan menghadap ke arah Selat Melaka. Melaka ialah negeri yang bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor. Negeri Melaka terbahagi kepada tiga jajahan, iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

Kerajaan Melaka telah diasaskan pada tahun 1400 Masihi bermula dengan kedatangan seorang putera raja dari Palembang. Beliau telah melarikan diri dari Palembang apabila gagal dalam pemberontakan menentang kerajaan Majapahit. Bersama-sama pengikutnya, Parameswara telah membuka penempatan di Kuala Sungai Bertam setelah beliau mendapati kawasan itu sesuai untuk dimajukan. Beliau kemudiannya menamakan kawasan itu sebagai Melaka.

Melaka telah membangun dengan pesat. Melaka menjadi sebuah negeri perdagangan di antara timur dengan barat. Tidak lama kemudian, Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah empayar. Banyak kapal dagang yang membawa muatan seperti emas, sutera, tembakau dan haruman serta barang-barang berharga singgah di sini. Terdapat juga kapal dagang dari negara-negara atas angin yang berlabuh di pelabuhan ini untuk berdagang.

Kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan telah menarik minat beberapa buah negara asing untuk menaklukinya. Melaka telah dijajah oleh Portugis pada tahun 1511. Selepas Portugis, Belanda pula menaklukinya dan diikuti oleh Inggeris. Kesan-kesan sejarah hasil peninggalan penjajah-penjajah masih boleh didapati sehingga hari ini seperti Kota A' Famosa, Bukit St. Paul, Bangunan Stadhuys dan lain-lain.

1. Negeri Melaka terletak
 - A di tengah-tengah antara Negeri Sembilan dengan Johor
 - B di bahagian atas antara Negeri Sembilan dengan Johor
 - C bersebelahan dengan Negeri Sembilan dan Johor
 - D di bawah Negeri Sembilan dengan Johor
2. Berdasarkan petikan, siapakah yang menjadi pengasas Melaka?
 - A Orang Inggeris
 - B Orang Portugis
 - C Orang Belanda
 - D Parameswara
3. Bangunan Stadhuys mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Kota A' Famosa. Pilih pernyataan yang **benar**.
 - A Merupakan tinggalan oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu
 - B Merupakan tinggalan sejarah hasil penjajahan Portugis dan Belanda
 - C Merupakan tinggalan sejarah semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
 - D Merupakan tinggalan sejarah semasa Tanah Melayu berjuang menentang Jepun

4. Apakah yang menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar?
- A Perkapalan
 - B Penjajahan
 - C Perdagangan
 - D Peninggalan sejarah